

Menciptakan Daya Magnetisme dalam Pengajaran Bahasa: Penerapan pada Teks Sastera

IKHTISAR: Mengajar subjek Bahasa Melayu dengan bersumberkan bahan sastera memberi impak kepada sebilangan guru di sekolah. Melalui mengajar, seorang guru mengekspresikan keperibadiannya. Salah satu cara untuk merealisasikan integriti guru ialah dengan mempunyai ilmu dalam bidang sastera. Justeru, dalam konteks pedagogi, di samping ilmu pengetahuan, guru harus mencipta kredibiliti sebagai guru yang unggul bagi melunaskan pengajaran yang berkesan di bilik darjah. Maka, guru perlu mencipta daya magnetik sebagai satu langkah untuk menarik perhatian terhadap guru. Oleh itu, guru perlu memiliki “aura” supaya pelajar tertarik dan sanggup memberi tumpuan terhadap pengajaran yang sebenar. Bakat, perwatakan, penampilan, ilmu, keprofesionalan, kejabatidiran, dan kebolehan mengurus merupakan indikator yang mampu menarik perhatian pelajar terhadap pengajaran guru berlandaskan teks sastera agar pengajaran bahasa lebih kukuh. Akhir sekali, daya magnetis yang mempunyai elemen kreatif dan inovatif, komunikatif, dan gerak badan perlu dipupuk dari semasa ke semasa.

KATA KUNCI: Bahasa Melayu, pengajaran bahasa, teks sastera, daya magnetik, para pelajar, dan profesionalisme guru.

ABSTRACT: Teaching the Malay language by using the literary materials still give some impact on the number of teachers in schools. By teaching, a teacher actualizes his/her character. One of how to realize the integrity of the teacher is to have knowledge in the literature. Thus, in the context of pedagogy, in addition to knowledge, the teacher should create credibility as a great teacher for effective teaching honor in the classroom. Therefore, teachers need to create a magnetic force as a way to draw attention to the teacher. Accordingly, teachers should have the “aura” so that students are interested and willing to focus on actual teaching. Talent, character, appearance, knowledge, professionalism, identity, and ability to manage self-powerness can be an indicator that can attract students to create teaching based on literary texts and yet that language teaching can be more effective. Finally, magnetic force that has creative and innovative elements, communicative, and body gesture should be developed from time to time.

KEY WORD: Malay language, teaching language, literature text, magnetic force, students, and teacher professionalism.

Dr. Naffi Mat ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, beliau boleh dihubungi dengan alamat emel: napiemat@gmail.com

PENDAHULUAN


Mengajar adalah sebuah seni. Seni itu lahir dari jiwa yang kudus. Gurulah senimannya. Melalui mengajar, seorang guru mengekspresikan keperibadiannya. Apa yang ada pada susuk tubuh dan ditambah dengan seni lain yang ada seperti seni komunikasi, seni gerak, intonasi, berfikiran kreatif, dan inovatif, maka seorang guru itu mampu menarik perhatian pelajaranya.

Menurut Beni S. Ambarjaya (2008:5), pelajaran merupakan hasil seni yang sifatnya tidak statis. Dilihat dalam konteks lain, mengajar yang mampu menarik perhatian (unsur magnetik) merupakan pancaran watak guru yang jujur kepada dirinya sendiri. Ini sekaligus menepati kriteria seorang pendidik yang bersifat profesional, iaitu berperanan penting sama ada dalam perencanaan mahupun pelaksanaan kurikulum. Justeru, elemen jati diri dan rasa ketanggungjawaban merupakan ciri terpenting yang harus berada dalam diri seorang pendidik. Menyedari hakikat tersebut, kehadiran guru merupakan manusia terpenting untuk meningkatkan aktiviti, kreativiti, kualiti, dan profesionalisme guru dalam dunia pendidikan yang semakin mencabar.

Membina situasi pembelajaran yang aktif juga dituntut dalam usaha menghasilkan pengajaran yang berkesan. Guru berperanan sebagai perencana (*designer*), pelaksana (*implementor*), dan penilai (*evaluator*) pembelajaran. Untuk mencapai impian kurikulum, guru sudah dididik supaya mempunyai sifat kreatif dalam memilih bahan serta mengembangkan potensi ilmu untuk membentuk kompetensi para pelajar.

Menurut Rodzli Hashim (2010:110), proses memperkasakan pengajaran dan pembelajaran memerlukan kerajinan, kegigihan, dan pengorbanan dalam kalangan guru. Beberapa faktor ini menjadi kayu ukur untuk menentukan momentum pengajaran guru secara keseluruhan. Namun begitu, merudumnya prestasi guru akan memberi kesan malang kepada anak didik. Maka, sejauhmana “aura” guru dapat menarik perhatian pelajar di luar atau di dalam bilik darjah terletak pada kewibawaan, momentum, serta keupayaan guru itu sendiri terhadap subjek yang diajar.

Lazimnya, pengajaran dan pembelajaran secara formal di bilik darjah ialah usaha memindahkan ilmu dari seorang guru kepada pelajar. Ini dapat dilihat dalam rajah berikut:



Daripada rajah di atas jelas kelihatan hubungan pengajaran dengan pembelajaran, iaitu perantaraan dari seorang guru yang memegang aset ilmu, mungkin dalam bentuk bahan sastera memerlukan satu proses yang merangkumi pendekatan, aktiviti, pelaksanaan, penilaian, dan maklum balas. Ia bertujuan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu kepada pelajar. Keberkesanan memindahkan ilmu terpulang kepada sejauh mana hasil objektif pelajaran dicapai melalui proses pengajaran yang dirancang dan dilaksanakan.

MENCIPTA DAYA MAGNETISME DALAM PENGAJARAN

Apabila dikaitkan dengan istilah “magnetik”, apa yang bermain di dalam minda kita ialah kuasa tarikan yang sering digunakan dalam eksperimen sains fizik, iaitu kemampuan alat magnet menggunakan kuasanya untuk menarik apa sahaja jenis logam yang mampu dihinggapinya. Apabila dikaitkan dengan pengajaran di bilik darjah, guru itulah *magnet*, manakala pelajar adalah logamnya (Hakim, 2010).

Menurut A.M. Sardiman (2003:172), di dalam proses mengajar-belajar, kegiatan interaksi antara guru dengan pelajar merupakan kegiatan yang cukup dominan. Kuasa magnet ada pada tutur komunikasi guru. Tetapi komunikasi guru bukanlah pertuturan “kosong” atau “retorik” tanpa fakta atau usaha menarik perhatian pelajar. Bagaimana pelajar mampu menghampiri guru, kerana guru itu seolah-olah mempunyai suatu kuasa daya penarik sehingga para pelajar amat berminat untuk mengikuti pengajarannya, bermula dari minit awal sehinggalah ke minit akhir.

Perkara ini juga bukan model sebuah teknik sihir dengan ritual tertentu yang perlu dipelajari agar setiap pelajar di dalam kelas (bilik darjah) menuruti seperti apa sahaja yang disampaikan. Kalau ahli sihir mampu memukau audiens sehingga tidak sanggup berkelip mata, walaupun sesaat sekalipun, kerana takut tidak dapat melihat muslihat *magician* yang sedang menyihirkan audiens.

Membina peribadi guru yang unggul untuk dikatakan sebagai seorang pendidik, sehingga mencapai tahap keprofesionalan, bukan suatu kerja mudah. Apatah lagi tugas guru berdepan dengan kumpulan pelajar-pelajar yang terdiri daripada pelbagai tahap usia dan pelbagai kerenah. Mengubah watak daripada watak normal sebagai insan yang sempurna kepada watak “guru” yang mampu menyebarkan ilmu merupakan suatu tanggung jawab yang berat.

Membina watak “guru” tidak dapat dipersiapkan dalam tempuh empat hingga lima tahun di mana-mana kursus perguruan. Asas yang diperolehi

semasa di institusi latihan perguruan atau pendidikan memerlukan pembinaan struktur yang berpanjangan. Struktur itu bukan setakat membina ilmu pedagogi, tetapi proses pembinaan sifat peribadi yang memerlukan pengorbanan, komitmen, dan keupayaan tenaga yang bukan sedikit. Apatah lagi, proses pembinaan ini akan digunakan dalam tempoh 30 hingga 40 tahun. Dalam hal ini, struktur pembinaan peribadi tidak pula statik. Adakalanya struktur peribadi mengalami perubahan mengikut rutin keadaan semasa dan perubahan hidup dalam masyarakat.

Guru harus bersikap terbuka. Pelajar masa kini menghadapi sebuah dunia yang mengalami ledakan pengetahuan, perubahan pesat, dan ketidaktentuan. Mereka berasa bimbang dan bersikap defensif atau mempertahankan diri. Abraham Maslow mengajak manusia serta diperjelaskan manusia mempunyai dua keperluan di dalam diri mereka: *pertama*, yang mementingkan kemajuan; dan *kedua*, yang mementingkan keselamatan daripada kemajuan (dipetik dalam Sardiman, 2003).

Keperluan untuk berasa selamat perlu dipenuhi sebelum keperluan bagi mencapai sesuatu, mengambil risiko, dan meneroka sesuatu yang baru dapat dilakukan. Salah satu cara utama untuk berasa selamat dan terjamin adalah dengan mempunyai kaitan dengan orang lain dan berasa diterima dalam sesebuah kumpulan. Justeru, guru merupakan pakar rujuk untuk menjamin keperluan diri pelajar. Maka suatu mekanisme yang bijak harus diketengahkan melalui pendekatan magnetisme dalam pengajaran bahasa, kerana pelajar akan disokong dengan emosi dan juga intelek yang membenarkan mereka menjangkau lebih jauh daripada peringkat pengetahuan dan kemahiran yang ada.

Malah, secara umum, masih terdapat segelintir guru bahasa kurang berjaya melunas tanggung jawabnya untuk memberi suatu pengajaran bahasa yang berkesan. Masih terdapat beberapa kelemahan ketara. Masih terdapat guru memandang enteng terhadap penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, baik pelajar Sekolah Rendah atau Sekolah Menengah. Apabila perasaan ini menguasai diri, maka hasrat masyarakat untuk melihat keterampilan pelajarannya dalam berbahasa akan tergugat.


Maka berlaku konsep “lepas tangan”, “sambil lewat”, dan “mereka akan dapat menguasai sendiri secara semulajadi” kerana Bahasa Melayu ditutur sebagai bahasa komunikasi harian. Hakikat ini berlaku kerana dalam jiwa guru masih tertanam sikap “makan gaji” dan tidak mahu melihat kecemerlangan Bahasa Melayu itu sendiri sampai ke tahap tertinggi di dalam negara dan di luar negara.

Bahasa Melayu itu berkembang dan tidak statik. Perkembangannya merangkumi rumus-rumus tata-bahasa, penambahan entri kosa kata,

serta penambahbaikan dalam membina kemahiran bertutur dan menulis. Justeru, untuk mengikuti perkembangan ini maka keterbukaan minda untuk rasa bertanggung jawab demi keutuhan bahasa ibunda, guru bahasa perlu celik jiwa untuk menerokai ilmu bahasa melalui pembacaan, seminar, dan menjalin hubungan dengan institusi tertentu.

Apatah lagi dengan perkembangan ilmu pedagogi. Banyak ilmu pedagogi berasaskan psikologi diterap dalam segenap sudut pengajaran. Perubahan-perubahan ini berlaku selaras dengan perkembangan minda, emosi, dan pengalaman pelajar yang cepat mengadaptasikan diri dengan perkembangan alam maya.

Berdasarkan rajah di bawah, guru bahasa memiliki hubungan yang erat dengan bahan sastera yang digunakan. Bahan pengajaran boleh jadi dalam bentuk puisi, cerpen, novel, drama, prosa, atau puisi tradisional. Dalam pengajaran, guru mempunyai kuasa autoriti untuk membawa murid-murid berhadapan dengan teks sastera. Maka, suatu kuasa megnetis harus dibina di antara guru, bahan, dan murid. Hubungan yang erat ini akan melahirkan pengajaran yang berimpak tinggi, serta menghiburkan sekiranya guru berjaya mengaplikasi teknik yang sesuai.



Rajah 1:
Hubungan Guru dengan Bahan dan Murid/Pelajar

Menggunakan bahan sastera dalam pendidikan bahasa membuka ruang kepada pelajar bagi melihat dunia dengan lebih luas. Ia bermula dari pengalaman sendiri dan meneroka pengalaman luar hidupnya melalui hubungan dengan masyarakat dan budayanya. Mereka pastinya ingin mengetahui rahsia yang tersurat dan tersirat dari pemikiran para pengarang yang dianggap genius. Dalam jangka masa panjang, aktiviti sebegini dapat memahirkan mereka dalam kemahiran membaca dan pemahaman.

Dalam hal ini, pendidik harus menyedari bahawa pelajar adalah manusia berbakat, berpengetahuan, dan bijak. Sehubungan dengan itu, penggunaan bahan sastra dalam pengajaran bahasa bertujuan untuk membolehkan pelajar: (1) Meningkatkan dan mengukuhkan minat membaca pelbagai genre sastra; (2) Mengenal, menghayati, dan menghargai karya sastra bagi mengukuhkan kemahiran mendengar dan bertutur, membaca, dan menulis; (3) Mengenal dan menggunakan istilah sastra, iaitu tema dan persoalan, watak dan perwatakan, gaya bahasa, latar, plot, sudut pandangan, serta nilai dan pengajaran; (4) Mengenal pengarang berdasarkan karya yang telah diperakui seperti sasterawan negara, pemenang anugerah, dan penulis mampan; (5) Menghayati nilai murni dan pengajaran daripada karya sastra yang dibaca; serta (6) Menghasilkan karya sastra yang kreatif, bermutu tinggi, dan boleh dibanggakan (Mat, 2006).

Gabungan antara kecerdasan pelajar dan kebijaksanaan yang dilandasi dengan kreativiti pengajaran akan mengupayakan satu bentuk tarikan atau magnetisme yang baharu. Pendidik seharusnya berasa selesa untuk membincangkan *problem-problem* yang muncul dari teks yang dibaca. Berkemungkinan besar, permasalahan manusia dan masyarakat yang dipaparkan melalui pelbagai genre sastra berkaitan rapat dengan kehidupan pelajar. Malah boleh jadi, permasalahan paling hampir dalam kehidupan pelajar. Maka, di sinilah peranan pendidik untuk menggunakan kuasa magnetik bagi menarik pelajar supaya berada dalam lingkungan kehidupan yang tercipta melalui teks sastra (Asmani, 2009).

Dalam mencipta daya magnetisme, diperlukan kata-kata yang mampu mempengaruhi emosi pelajar. Sememangnya, kata-kata yang ingin dibina sudah pun guru memperolehinya sejak zaman kanak-kanak lagi. Antara ungkapan yang digunakan semasa kecil merupakan beberapa situasi penggunaan *emotional words*, seperti berikut ini:

- Masih ingatkah anda, bagaimana cara merayu orang tua untuk membeli sesuatu yang anda sukai?
- Masih ingatkah anda, bagaimana cara anda mendekati teman-teman anda semasa sekolah dulu?
- Bagi yang sudah bekerja, masihkah teringat bagaimana anda berusaha untuk memberikan yang terbaik pada saat job interview anda dengan salah seorang *manager* personal di premis korporat?

Contoh-contoh yang tersebut di atas boleh diubah-suai dan diserapkan semasa proses belajar-mengajar. Pada ketika seorang guru mempunyai kemampuan untuk menggunakan kata-kata emosi tertentu, diharapkan ia boleh memberikan makna kepada seluruh pelajar. Itulah rahsia yang boleh

menarik minat seluruh pelajar di dalam bilik darjah. Contoh yang boleh diubah-suaikan ialah seperti berikut:

- Cikgu terkesima dengan kualiti prestasi pelajar yang selama ini semakin berkesan.
- Jika kalian ingin untuk maju, cikgu yakin kejayaan ada pada diri anda semua.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan komponen sastera, guru mempunyai perancangan yang tersendiri agar langkah-langkah pengajaran dapat memberi impak yang positif kepada pelajar. Ini disebabkan penggunaan bahan komponen sastera, harapan guru sangat tinggi, iaitu pemahaman dan rasa keseronokan. Baik apa juga *genre* yang digunakan, guru bahasa mesti mempunyai komitmen dengan ilmu sastera. Ini merupakan daya penarik supaya semua ilmu sastera dapat dieksploitasi dan sudah tentu dapat menarik perhatian pelajar-pelajar setelah menyedari kemampuan gurunya.

Mengenai Kata-kata Magnetis atau "Electrical Words". Guru bahasa yang handal bermain kata-kata dianggap seperti seorang motivator. Seorang pakar motivator, atau seorang tokoh agama yang berilmu, mempunyai kata-kata magnetis untuk memberi motivasi atau mengakui kebenaran kata tokoh agama, sehingga dapat menembusi fikiran bawah sedar seseorang.

Kata-kata magnetik dapat diandaikan ketika kita secara tiba-tiba didatangi sebuah kilat halilintar. Pada saat ini seseorang itu termenung sejenak, atau terkesima, atau cepat-cepat membaca istighfar. Maka, boleh dikatakan kata-kata magnetis diandaikan cahaya indah yang mampu menyinari lingkungan sekitarnya dengan pandangan yang menakjubkan.

Dalam proses pengajaran-pembelajaran Sajak Tingkatan 1, sebagai bahan pengajaran Bahasa Melayu, seorang guru mampu mempergunakan jurus sakti dengan menggunakan kata-kata magnetik. Aspek yang ingin diajar ialah tema dan persoalan atau untuk memahami maksud puisi. Salah satu teknik memahami teks puisi ini ialah dengan cara memahami diksi-diksi yang digunakan. Maka diksi-diksi yang dipilih boleh diberi tafsiran berdasarkan persepsi pelajar dan juga guru. Maka wujudlah perbualan berikut:

Guru: "Cuba anda cari maksud terhadap kata keramat yang menakutkan" (Maksudnya: diksi yang sukar difahami).

Walaupun teknik pengajaran ini agak sederhana atau biasa, tetapi penggunaan kata-kata magnetik mampu mencipta pola-pola baru dalam

neurologi pelajar. Anthony Robbins, dalam bukunya *Awaken the Giant Within* (Membangun Kuasa Raksasa di Dalam Diri), mengemukakan beberapa contoh kata-kata biasa (*common words*) yang menjadi kata-kata magnetis (dipetik dalam Mat, 2006). Contohnya adalah seperti berikut:

Common Words:

tertarik
suka
nyaman
bagus
bahagia
riang

Kata-kata Magnetis:

terkesima
mengidolakan
luar biasa
sempurna
nikmat luar biasa
gembira

Maka, ungkapan atau diksi yang disenaraikan di atas mampu diberi kata-kata magnetis mengikut fahaman dan tanggapan pelajar. Diskusi yang rancak untuk memastikan maksud yang sah akan berlaku antara guru-murid atau murid-guru.

Mengenai Kata-kata untuk Menarik Fokus Pelajar atau "Attention Focusing Statement". Guru seringkali menggunakan kata-kata, "*cukup dulu sampai di sini*"; atau, "*OK, kita lihat semula pernyataan ini*". Ia merupakan kata sakti kepada pelajar untuk kembali semula kepada fokus atau aspek pelajaran yang mungkin agak terpesong kerana sesuatu hal lain. Dengan menggunakan kelainan intonasi suara, guru mengembalikan fokus pelajar ke aspek pelajaran yang akan dibahas.

Di dalam bilik darjah, semasa proses pengajaran-pembelajaran berlaku, kerap diguna-pakai kalimat seumpama, "*Kembali ke papan tulis*", atau "*Lihat skrin layar*". Secara tegasnya, guru membuat pernyataan yang boleh mengembalikan fokus pelajar ke topik yang diajar pada hari itu.

Berikut beberapa contoh menggunakan "*attention focusing statement*" agar seluruh pelajar kembali memberi konsentrasi kepada proses mengajar-belajar:

1. **OK, pelajar-pelajar, lihat isinya.** (Guru memberi contoh dengan pelbagai variasi soalan). Sekarang, sila lihat soalan berikut ini: *Siapakah yang [...]*. **Baiklah**, sebelum kita pulang, ada beberapa perkara yang perlu kita tekankan terlebih dahulu.
2. **Bagus**, sekarang, kalian boleh membaca halaman (sebutkan halaman) untuk latihan.
3. **Intinya**, seluruh aspek pelajaran hari ini sudah cikgu jelaskan. Namun, jika masih ada yang kurang jelas, tolong angkat tangan kanan kalian.

Mengenai Kata-kata Hilang yang Ditemui oleh Pelajar atau "Missing Words". Ayat "*missing words*" merupakan salah satu cara untuk merangsang

dan mempengaruhi fikiran bawah pelajar. Dengan pernyataan yang guru ucapkan, seakan-akan penerima informasi (pelajar) boleh memahami maksud keseluruhan dari teks yang didapati kurang sampai maksudnya. Ini terjadi apabila guru mengajar *genre* sajak yang sukar untuk memahami maksud dari perenggan ke perenggan.

Daya magnetis yang sering diungkap oleh guru semasa proses pengajaran-pembelajaran berlaku ialah seperti berikut:

1. Pelajar-pelajar sekalian, ada **pelbagai kesimpulan** yang mudah difahami, anda jangan takut.
2. **Banyak manfaat** yang pelajar perolehi apabila anda memahami dan mengambil kira apa yang cikgu ajar hari ini.
3. Seperti yang kita ketahui bersama bahawa **banyak hal** yang harus diperhatikan [...]. Contoh: *Sejauh mana jati diri generasi sekarang? Cukupkah kita sekadar merayakan Hari Kemerdekaan?*

Mengenai Kata-kata untuk Memperkuatkan atau "Frozen Words".

Dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, kata-kata motivasi harus selalu digunakan untuk meningkatkan kekuatan diri pelajar dalam mempelajari aspek tertentu dalam komponen sastera. Oleh itu, kata-kata tersebut harus saling menguatkan satu dengan lainnya, perlu diambil kira logikanya, dan diasosiasikan dengan logika lain. Kesedaran fikiran lebih mudah untuk mencerna sesebuah informasi yang memiliki daya logis yang tinggi. Dengan demikian, sesuatu kesulitan yang tampil kemudian akan memudahkan untuk membuka pintu gerbang, iaitu antara fikiran sedar dengan bawah sedar.

Mempelajari aspek gaya bahasa, contohnya, yang merangkumi bahasa perbandingan, bahasa penegasan, dan bahasa perulangan sedikit-sebanyak memberi kesan kepada fikiran pelajar. Istilah-istilah gaya bahasa seperti metafora, personifikasi, *simile*, *sinkope*, *anaphora*, *epifora*, dan lain-lain lagi perlu dibiasakan dalam jiwa dan fikiran pelajar. Apabila kebiasaan dapat diterapkan dan diperkukuhkan maka akan lebih memudahkan lagi proses memahami sesuatu teks. Contoh kata-kata untuk memberi kekuatan kepada pelajar ialah seperti berikut:

1. Pelajar semua, memahami gaya bahasa sajak ini memerlukan ketelitian dan konsentrasi yang mendalam. **Oleh kerana itu**, pelajar perlu melakukan latihan-latihan bertanya atau menyoal sehingga ketelitian dan konsentrasi anda menjadi lebih baik.
2. Lebih baik anda berlatih dan belajar berbagai variasi soalan untuk mengantisipasi kalau-kalau ada soalan yang belum anda fahami. **Oleh kerana itu**, mulai sekarang, persiapkan diri baik-baik.

3. Mencegah lebih baik daripada mengubati. **Oleh kerana itu**, sebagai pelajar, anda harus meluangkan masa untuk membaca mulai dari sekarang. Mari kita tenangkan fikiran dan memandang ke arah yang lebih jauh. Tandakan atau gariskan ungkapan yang mempunyai nilai gaya bahasa.

Mengenai Kata-kata untuk Memperlemahkan atau “Unfrozen Words”.

Pelajar-pelajar menampilkan diri dengan pelbagai gaya, dengan tujuan untuk menimba ilmu. Terdapat pelajar yang komunikatif sehingga mencabar kewibawaan dan keilmuan seseorang guru. Tidak terlepas, ada juga pelajar yang pasif, datang ke sekolah tidak menyumbang apa-apa yang boleh dimanfaatkan oleh rakan sebaya yang lain. Namun begitu, dalam pengajaran Bahasa Melayu, guru mestilah seorang yang kuat, beriltizam, serta menganggap dirinya seorang pejuang untuk meletakkan Bahasa Melayu sebagai bahasa unggul negara.

Unfrozen words atau kata-kata yang digunakan untuk memperlemahkan pendapat seseorang perlu digunakan untuk menurunkan daya kekuatan pernyataan atau pendapat orang lain yang kurang sesuai dengan apa yang seharusnya. Pelajar memiliki akal yang panjang. Mereka mampu mempersoalkan mesej-mesej serta logika yang dikemukakan oleh seseorang pengarang dalam teks sastera. Sekali lagi, ilmu sastera yang dimiliki oleh guru, iaitu ilmu teori dan kritikan sastera, dapat membantu untuk menangkis serangan dari pelajar kelak. Malah, kesimbiosisan bahasa dengan sastera harus dipertahankan oleh guru yang berani dan berkarisma.

Sehubungan dengan ini, guru mampu mententeramkan keinginan negatif seseorang. Kemudian, guru mampu mengarahkannya ke hala yang lebih positif. Contoh penggunaan *unfrozen words* dalam mengajar puisi dalam teks kompilasi Bahasa Melayu ialah seperti berikut:

1. Siapakah yang simpati dengan perjuangan [...]?
 2. Adakah kita tidak bersyukur dengan keharmonian yang [...]?
1. **Terlihat bahawa** rumus ini rumit, tetapi jika anda perhatikan baik-baik, rumus ini memiliki komponen yang mudah untuk difahami.
 2. **Mungkin**, anda menganggap peperiksaan kali ini tidaklah mudah, **tetapi inilah** yang membuat anda bangga akan kemampuan anda sebagai pelajar yang lebih berprestasi.
 3. **Boleh sahaja** anda memilih untuk menjauhkan diri dari *genre* puisi, tetapi perlu diperhatikan, hampir setiap frasa senang difahami. Oleh kerana itu, mempelajari bahasa puisi dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Mengenai Perbandingan Samar atau “Comparative Hypnotic Words”.

Daya magnetis pada sebuah kata memerlukan penilaian kata-kata yang

memiliki kemiripan makna. Hal itu untuk memudahkan fikiran bawah sadar agar cepat menyerap dan memahami maksud dari pernyataan tertentu. Perbandingan samar ini ada kaitan dengan pemahaman makna atau persepsi makna oleh seseorang yang mendengarnya. Dalam hal ini, satu-satu kata tertentu perlu diperkukuhkan dengan kata yang lainnya, dengan tujuan untuk menjelaskan lagi pemahaman terhadap lawan komunikasi anda.

Perbandingan samar sering digunakan oleh guru untuk memudahkan fikiran bawah sadar memahami secara cepat cadangan-cadangan yang diberikan. Contoh, *“Seiring dengan tarikan nafas, anda menjadi semakin tenang, nyaman, damai, rileks, dan beristirahat”*. Kata-kata tersebut merupakan lima kata yang memiliki kemiripan makna yang tersamarkan.

Semasa sesi pengajar-belajar berlaku di bilik darjah, guru harus mampu memberikan pemahaman kepada pelajar dengan cepat. Maka, perbandingan samar boleh diterapkan untuk menciptakan komunikasi bawah sadar antara guru dan pelajar. Berikut ini merupakan contoh penerapannya, iaitu:

1. Pelajar semua, cikgu yakin 100% bahawa setiap kali diulang dengan variasi soalan, anda menjadi **semakin faham, pintar, dan cerdas**.
2. Pelajar semua, seiring dengan perkembangan zaman, teknologi ICT (*Information and Communication Technology*)-lah yang memudahkan anda membuat keputusan agar **semakin tepat, benar, dan sah**.
3. Anda semua adalah harapan negara. Oleh itu, anda harus **semakin rajin, bersemangat, dan berdisiplin** semasa belajar.

Karya sastera yang ditangani dengan bijak oleh guru di bilik darjah dapat memberi motivasi dan suatu harapan baharu kepada pelajar untuk mempelajari dan mendalami asas penulisan dengan baik. Secara tidak langsung, pelajar dapat mempelajari kaedah menyusun idea, sama ada secara lisan ataupun tulisan. Malah, guru dapat membentuk jiwa setiap pelajar dengan mudah bagi memperkasakan daya kreatif dalam kemahiran bahasa (Mat, 2006:13).

Ini bermakna, pembelajaran berkonsepkan muafakat antara guru dengan pelajar menjadi prioriti bagi membantu mendorong pembelajaran yang lebih berkesan. Walaupun pembelajaran mungkin berlangsung secara bebas, pengajaran kelas, dan berbentuk kumpulan kecil, tetapi sasaran yang ada dalam sanubari guru ialah kepuasan pembelajaran dan pengajaran yang akan diperolehi oleh pelajar di akhir pengajaran (Egan, 2009).

Sehubungan dengan ini, keberkesanan pendekatan magnetis dapat ditinjau dari dua segi, iaitu dari segi proses dan dari segi dapatan

(Silberman, 2009). Dari segi proses, guru dikatakan berjaya apabila mampu melibatkan sebahagian besar pelajar secara aktif, sama ada dari segi fizikal, mental, mahupun sosial. Dari sudut ini pula dapat dilihat dari ghairah dan semangat pengajaran, serta tertampil rasa yakin diri. Sedangkan dari segi dapatan, guru yang menggunakan bahan sastera dapat mengesani apabila pembelajaran dan pengajaran yang diberikan mampu mengubah perilaku sebahagian besar pelajar ke arah penguasaan kompetensi asas yang lebih baik. Ternyata, untuk mencapai ke tahap yang membanggakan memerlukan pengorbanan fizikal, mental, rohani, dan emosi guru yang bukan sedikit.

KESIMPULAN

Sebagai seorang pendidik, dalam jiwa semestinya inginkan pelajar yang diajar datang kepadanya, di samping memahami inti pengajaran yang telah dirancang untuk tempuh waktu yang dijangkakan. Lebih-lebih lagi, mengajar Bahasa Melayu sebagai subjek utama, sudah tentu, seorang guru ingin pelajarnya dapat menguasai ketiga-tiga kemahiran dan ketiga-tiga bidang yang digaris dalam sukatan pelajaran.

Daya magnetis yang cuba diimplementasikan dalam pengajaran, semata-mata untuk membentuk sifat profesionalisme guru. Menurut Jamal Ma'mur Asmani (2009:8), tidak ada yang mampu menggugah para guru yang mulia dan agung kecuali diri mereka sendiri. Sebaik mana pun sistem, mekanisme, kepimpinan, sarana-prasarana, dan fasiliti, kalau spirit keilmuan dan berkompentisi guru lemah, maka tidak akan banyak bermanfaat. Akibatnya, agenda melahirkan pelajar masa depan yang cerdas semakin terbantut.

Membina "aura" peribadi bukan suatu kerja kecil dengan tujuan pengajaran menjadi suatu daya tarikan yang cukup menyenangkan. Hakikat ini sejajar dengan ungkapan "*anda dilahirkan untuk menjadi guru*", maka semua sifat dan kriteria guru untuk mengajar bahasa memberi cerminan dan pantulan yang ditandai dengan *informed responsiveness* terhadap implikasi kemasyarakatan.

Guru yang membina dirinya bersifat profesional, dengan menolak segala bentuk ego, seharusnya memiliki persepsi filosofis dan ketanggapan yang bijaksana yang lebih mantap. Maka, mencipta daya magnetisme pada diri seorang guru merupakan satu kriteria kecil yang harus dimiliki. Daya ini bukan mampu dimiliki secara sewenang-wenang. Daya magnetis yang mempunyai elemen kreatif dan inovatif, komunikatif, dan gerak badan perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Guru yang memiliki dan

mampu mengaplikasikannya dalam bilik darjah, dan dapat dimanfaatkan oleh pelajar, merupakan suatu aset yang mampu mengungguli dunia pendidikan.

Bibliografi

- Ambarjaya, Beni S. (2008). *Kasut Kelopak Jantung*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmani, Jamal Ma'mur. (2009). *Tips Menjadi Guru Inspiratif, Kreatif, dan Inovatif*. Jogjakarta, Indonesia: DIVA Press.
- Egan, Kieran. (2009). *Pengajaran yang Imaginatif*. Jakarta, Indonesia: PT Indeks.
- Hakim, Andri. (2010). *Hypnosis in Teaching*. Jakarta, Indonesia: Visimedia.
- Hashim, Rodzli. (2010). "Memperkasakan Pengajaran dan Pembelajaran" dalam Azizul Rahman Abdul Rahman & Mohamad Saleeh Rahmat [eds]. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur, Malaysia: Majlis Guru Cemerlang Malaysia dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mat, Naffi. (2006). *Teknik Mengajar KOMSAS*. Kuala Lumpur, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Sardiman, A.M. (2003). *Interaksi & Motivasi Belajar Mengajar*. Jakarta, Indonesia: PT RajaGrafindo Persada.
- Silberman, Mel. (2009). *Pembelajaran Aktif*. Kuala Lumpur, Malaysia: Institut Terjemahan Negara Malaysia.



Gambar Guru Bahasa di Malaysia
(Sumber: www.google.com, 15/4/2012)

Melalui mengajar, seorang guru mengekspresikan keperibadiannya. Apa yang ada pada susuk tubuh dan ditambah dengan seni lain yang ada seperti seni komunikasi, seni gerak, intonasi, berfikiran kreatif, dan inovatif, maka seorang guru itu mampu menarik perhatian pelajarannya.